

Sumbangan Kerajaan Uthmaniah Kepada Kerajaan Alam Melayu: Antara Strategi Dakwah Islam

Muhammad Aqil Mohd Azmani¹, Mohd Zamrus Mohd Ali^{1*}

¹Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: zamrus@usim.edu.my

ABSTRAK

Beberapa episod yang mencetuskan perdebatan sejarawan dan ahli akademik di tanahair berkenaan bantuan daripada kerajaan Islam Uthmaniah yang berpusat di Istanbul ke Kerajaan Alam Melayu (KAM) seringkali dikaitkan dengan agenda mubaligh dakwah Islam. Namun sejauh mana kebenaran pendapat dan perdebatan ini akan dikupas dalam penyelidikan ini. Contohnya ialah membekalkan meriam yang dibawa dari kerajaan Islam Uthmaniah sekitar kurun ke-16 yang dihantar ke kerajaan Pattani Darussalam yang dipimpin oleh Ratu Raja Biru daripada diserang oleh Kerajaan Siam. Selain itu kerajaan Islam Uthmaniah turut menghantar jurutera ke KAM untuk membina benteng dan istana raja di Aceh yang namakan Dar At Dunya pada abad ke-16 hingga ke-17. Seiring dengan perkara yang dinyatakan itu, pada hakikatnya Kerajaan Islam Uthmaniah yang jaraknya sekitar 8 ribu hingga 9 ribu kilometer dari KAM mempunyai strategi khusus iaitu meluaskan empayar Islam di Nusantara. Berdasarkan metodologi kajian kualitatif, maklumat kajian akan memberi fokus kepada beberapa contoh yang merupakan sejarah diplomatik antara dua buah kerajaan Islam ini yang berlaku sekitar abad ke-16 hingga 18. Hasil kajian awal mendapati bahawa kerajaan Islam Uthmaniah benar-benar menyumbang kepada proses dakwah Islam secara tersurat meskipun kaedah tersebut tidak sering dilihat memberi sumbangan secara langsung. Kesimpulan kajian menggesa kepada kerajaan Malaysia khususnya dan kerajaan di Nusantara seperti Brunei, Indonesia termasuk Aceh dan Selatan Thailand untuk terus menjalinkan hubungan baik dengan kerajaan Turki hari ini atas dasar pertalian erat yang pernah dimetraikan. Untuk hal itu, peranan Malaysia digesa untuk mengetuai kumpulan yang pernah dikenali sebagai KAM bagi mengembalikan semangat ukhuwah Islamiah, kedaulatan Islam, maruah dan kesucian Islam di Nusantara.

Kata Kunci: kerajaan Islam Uthmaniah, kerajaan Alam Melayu, dakwah Islam di Nusantara.

PENDAHULUAN

Kepulauan Alam Melayu telah lama menjadi persimpangan budaya, perdagangan, dan agama. Satu nama yang tidak dapat dipisahkan dari naratif ini adalah Kerajaan Islam Uthmaniah. Sebagai salah satu empayar Islam terbesar yang pernah wujud, Uthmaniah bukan sahaja menjangkau wilayahnya di Eropah dan Asia Barat, tetapi juga melebarkan sayapnya hingga ke Nusantara, memberikan impak yang mendalam terhadap perkembangan politik dan sosial di kawasan ini. Pada abad ke-16 hingga ke-18, ketika kerajaan-kerajaan di Alam Melayu menghadapi pelbagai ancaman, seperti serangan Siam dan penjajahan Portugis, bantuan daripada Uthmaniah muncul sebagai harapan. Dari penghantaran meriam yang kukuh ke kerajaan Pattani Darussalam hingga ke sokongan dalam pembinaan benteng dan institusi di Aceh, sumbangan Uthmaniah bukan sekadar bantuan ketenteraan. Ia adalah manifestasi daripada komitmen Uthmaniah dalam menjaga kedaulatan dan identiti Islam di Nusantara.

Namun, sumbangan ini tidak hanya terbatas kepada aspek ketenteraan; ia melibatkan jalinan diplomatik yang memperkuat ukhuwah Islamiah, pertukaran ilmu pengetahuan, dan

pengaruh budaya yang berpanjangan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka dimensi-dimensi ini, menyoroti betapa pentingnya hubungan antara Uthmaniah dan kerajaan-kerajaan Melayu dalam membentuk sejarah Islam di kawasan ini. Dengan mengkaji interaksi ini, kita bukan sahaja mengenali akar sejarah kita, tetapi juga memperoleh pelajaran berharga untuk memperkukuhkan solidariti dalam kalangan negara-negara Islam di masa hadapan.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa Uthmaniah telah berusaha untuk meluaskan pengaruh Islam melalui saluran diplomatik dan ketenteraan. Mohamad Shaukhi Mohd Radzi et.al. (2020) menyatakan bahawa hubungan antara Empayar Uthmaniyyah dan Kerajaan Kesultanan Melayu di Nusantara pada abad ke-16 sehingga Perang Dunia Pertama merupakan perhubungan yang diasaskan oleh semangat ummatik atau Pan-Islamisme. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) telah meneliti kajiannya tentang hubungan antara Uthmaniah dan kerajaan-kerajaan di Asia Tenggara terutama menyoroti aspek perdagangan dan penyebaran ilmu pengetahuan. Namun, kajian mengenai sumbangan dakwah melalui ketenteraan secara khusus masih kurang mendapat perhatian, walaupun terdapat bukti-bukti yang menunjukkan peranan penting Uthmaniah dalam memberikan bantuan kepada kerajaan-kerajaan di KAM.

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji bentuk bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Islam Uthmaniah kepada kerajaan-kerajaan di kepulauan Alam Melayu, termasuk penghantaran meriam dan jurutera, serta kesannya terhadap pertahanan dan kedaulatan mereka. Selain itu penyelidikan ini akan menganalisis peranan Kerajaan Islam Uthmaniah dalam menyebarkan dakwah Islam ke Alam Melayu melalui saluran diplomatik, pendidikan, dan pertukaran budaya, serta kesan terhadap pertumbuhan masyarakat Islam di kawasan tersebut.

METODOLOGI

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk memahami secara mendalam sumbangan Kerajaan Islam Uthmaniah kepada kepulauan Alam Melayu, dengan fokus khusus pada aspek ketenteraan, diplomatik, dan penyebaran dakwah Islam. Pendekatan yang digunakan adalah dengan langkah-langkah berikut:

- i. Pengumpulan Data Sekunder: Melakukan analisis terhadap sumber-sumber sejarah yang berkaitan, termasuk buku, artikel akademik, dan keratan artikel yang diperoleh dalam laman sesawang. Sumber-sumber ini akan memberikan konteks dan maklumat latar belakang yang penting mengenai interaksi antara Uthmaniah dan kerajaan-kerajaan Melayu.
- ii. Analisis Kes Kajian: Memilih beberapa kes kajian khusus, seperti penghantaran meriam ke Pattani dan pembinaan benteng di Aceh, untuk meneliti dengan lebih terperinci mengenai sumbangan Uthmaniah. Analisis ini akan melibatkan kajian kes secara mendalam untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan dan hasilnya.

Dengan metodologi ini, kajian diharapkan dapat menghasilkan pemahaman yang lebih holistik dan mendalam mengenai sumbangan Kerajaan Islam Uthmaniah kepada kepulauan Alam Melayu, serta implikasinya dalam konteks sejarah dan masa kini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Mohammad Haji Salleh (1997) menyatakan bahawa interaksi antara kerajaan Uthmaniah dan kerajaan-kerajaan di Nusantara adalah sebagai hubungan diplomatik dengan menghantar sumbangan ketenteraan khususnya kepada kerajaan Pattani. Hasil kajian membuktikan bahawa ketenteraan yang diberikan termasuk penghantaran meriam kepada kerajaan Pattani Darussalam yang dipimpin oleh Ratu Raja Biru, adalah langkah strategik untuk mempertahankan kedaulatan kerajaan Islam di Nusantara daripada ancaman luar, khususnya dari Kerajaan Siam. Pada tahun 1565, ketika Pattani berhadapan dengan serangan Siam, bantuan meriam ini menjadi elemen penting dalam memperkuat pertahanan kerajaan tersebut.

Manakala menurut Muhammad Adli Jamiri, Ermy Azziaty Rozali (2024), kerajaan Islam Uthmaniah turut menghantar jurutera ke kepulauan Alam Melayu untuk membina benteng dan istana raja di Aceh, yang dinamakan Dar At Dunya, pada abad ke-16 hingga ke-17. Sumbangan Kerajaan Islam Uthmaniah dalam pembinaan benteng dan istana di Aceh adalah contoh jelas kerjasama antara dua kerajaan Islam yang berusaha mempertahankan identiti dan kedaulatan mereka. Melalui penghantaran jurutera dan pakar pembinaan, Uthmaniah membantu Aceh dalam membangunkan infrastruktur yang diperlukan untuk menghadapi ancaman luar. Warisan ini tidak hanya mengukuhkan pertahanan Aceh tetapi juga meninggalkan jejak yang mendalam dalam sejarah perkembangan Islam di Nusantara. Kesedaran tentang hubungan ini perlu diteruskan untuk memperkukuhkan ukhuwah Islamiah di antara negara-negara Islam.

Kajian ini juga mendapati bahawa kesan kepada bantuan ini secara tidak langsung, ia telah menyumbang kepada proses dakwah Islam secara tersurat. Mohammad Redzuan Othman (2023) dalam kertas kerjanya bertajuk Daulah Uthmaniyyah dan Pengaruhnya ke atas Masyarakat Melayu Kerajaan Islam Uthmaniah, beliau menyatakan melalui hubungan diplomatik yang dibina, telah menyebarkan nilai-nilai Islam dan mempromosikan kesatuan umat Islam di Nusantara. Strategi Uthmaniah dalam meluaskan empayar Islam tidak hanya terhad kepada ketenteraan, tetapi juga melalui diplomasi dan kerjasama budaya.

KESIMPULAN

Melalui kajian ini didapati bahawa sumbangan kerajaan Uthmaniah tidak hanya terbatas kepada aspek ketenteraan; ia melibatkan jalinan diplomatik yang memperkuat ukhuwah Islamiah, pertukaran ilmu pengetahuan, dan pengaruh budaya yang berpanjangan. Kajian ini berhasrat untuk meneroka dimensi-dimensi ini, menyoroti betapa pentingnya hubungan antara Uthmaniah dan kerajaan-kerajaan Melayu dalam membentuk sejarah Islam di nusantara ini boleh diperluaskan. Dengan mengkaji interaksi ini, kita bukan sahaja mengenali akar sejarah kita, tetapi juga memperoleh pelajaran berharga untuk memperkuat solidariti dalam kalangan negara-negara Islam pada masa hadapan. Oleh itu adalah disarankan Kementerian Luar Negeri, Malaysia berusaha membawa semua penglibatan kerajaan Turki hari ini dalam merialisasikan sejarah yang pernah termetai. Semoga generasi hari ini dan akan datang benar-benar menjiwai semangat ukhuwah Islamiah anatra kerajaan yang Islam yang lain. Ia akan membawa kepada pembentukan warga yang cintakan kedamaian dan kesejahteraan dunia.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia kerana menyediakan platform untuk murid melakukan penyelidikan. Melalui subjek penyelidikan ini, pengkaji lebih yakin untuk menghadapi situasi sebenar dalam masyarakat hasil dari tinjauan dan obvervasi yang dilakukan melalui penelitian serta pembacaan. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menghulurkan bantuan sepanjang kajian ini dilaksanakan antaranya ialah Perpustakaan Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. N. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamiri, Muhammad & Rozali, Ermy. 2024. Hubungan Dawlah Uthmaniyyah Dengan Kerajaan Aceh Pada Abad Ke-16. Conference: Kolokium Siswazah Dan Prasiswazah Pengajian Arab Dan Tamadun Islam: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman (2023) dalam kertas kerjanya bertajuk Daulah Uthmaniyyah dan Pengaruhnya ke Atas Masyarakat Melayu Kerajaan Islam Uthmaniah,
- Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Mohd Sohaimi Esa & Zaini Othman. 2020. "Elemen Pan-Islamisme Dalam Hubungan Empayar Uthmaniyyah Dengan Kerajaan Kesultanan Johor Dari Abad Ke-18 Masihi Hingga Perang Dunia Pertama" *Jurnal Kinabalu* Bil. 26(2), 23-49.
- Muhammad Haji Salleh 1997. *Sulalatus al-Salatin*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/kertas_kerja/muzakarah2018/Daulah-Uthmaniyyah.pdf
- <https://isma.org.my/hubungan-kerajaan-uthmaniyyah-alam-melayu-acheh/>